



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[FACTORS AFFECTING MOTIVATION
ON LEARNING ARABIC]**

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI MOTIVASI
TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA ARAB**

ABDUL HAKIM ABDULLAH ^{1*}
AB. AZIZ SULAIMAN ¹
WAN ISMAIL WAN ABDULLAH ¹

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak, Kuala Nerus, Terengganu.

*Corresponding author: abdhakim@unisza.edu.my

Received Date: 7 Januari 2015 • Accepted Date: 28 April 2015

Abstract

The purpose of this study is identified factors that affect students motivation in learning Arabic among lower secondary level students at Naim Lilbanat National Religious Secondary School (SMKA), Kota Bharu, Kelantan. To achieve this purpose, four objectives have been outlined; to identify the level of student's performance in Arabic, to identify the level of students interest towards Arabic, to identify factors that affect students motivation towards Arabic and to evaluate the relationship between motivation and students performance in Arabic. This quantitative research used questionnaires for collecting data. 93 students at lower secondary level at SMKA Naim Lilbanat were selected by simple random technique as the sample that represent 40% of the research population. A pilot study was conducted to ensure the quality of feasibility, validity and reliability of the instrument. The validity of items was obtained by referring to 10 experts of the subject matter. Coefficient of reliability value was obtained at a high level that is 0.86 through Cronbach Alpha test using SPSS version 19. The study found that 88 (94.6%) respondents have a good performance in Arabic and 78 (83.9%) respondents have a good interest towards Arabic. According to this study, five factors that affect student's motivation in descending order are: attitude toward Arabic as they consider it as important, Arabic environment, attitude toward Arabic as they consider it as easy to learn and understand, self-awareness and the effectiveness of teaching and learning in the classroom. The Pearson correlation test showed that there is a positive significant relationship at a moderate level between level of interest and performance of Arabic among lower secondary level students at SMKA Naim Lilbanat.

Keywords: factor, motivation, student achievement, Arabic language learning, attitude

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang membentuk motivasi terhadap pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar peringkat menengah rendah di Sekolah

Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Naim Lilbanat, Kota Bharu, Kelantan. Bagi mencapai tujuan tersebut, empat objektif telah digariskan iaitu mengenal pasti tahap pencapaian pelajar bagi mata pelajaran Bahasa Arab, mengenal pasti tahap minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab, mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab dan menguji hubungan tahap motivasi pelajar dengan pencapaian Bahasa Arab. Kajian ini berbentuk kuantitatif dan menggunakan soal selidik sebagai alat pengumpulan data. Seramai 93 orang pelajar peringkat menengah rendah di SMKA Naim Lilbanat telah dipilih secara rawak mudah sebagai sampel yang merupakan 40% daripada jumlah populasi kajian. Satu kajian rintis telah dijalankan bagi menjamin kualiti kebolehlaksanaan, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Kesahan instrumen diperoleh secara merujuk kepada 10 orang pakar bidang. Nilai keefisienan kebolehpercayaan item diperoleh pada tahap tinggi iaitu 0.86 daripada ujian Alpha Cronbach menggunakan perisian SPSS versi 19. Kajian ini mendapati 88 orang (94.6%) responden mempunyai pencapaian yang baik dalam mata pelajaran Bahasa Arab. Kajian ini juga mendapati 78 orang (83.9%) responden mempunyai tahap minat yang baik terhadap mata pelajaran Bahasa Arab. Lima faktor yang paling mempengaruhi motivasi pelajar secara turutan menurun ialah: sikap terhadap mata pelajaran Bahasa Arab yang dianggap penting, persekitaran bahasa Arab, sikap terhadap mata pelajaran Bahasa Arab yang dianggap mudah dipelajari dan difahami, kesedaran diri dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Ujian korelasi Pearson memperlihatkan wujud hubungan positif yang signifikan pada kadar sederhana antara tahap motivasi dan pencapaian Bahasa Arab dalam kalangan pelajar peringkat menengah rendah di SMKA Naim Lilbanat.

Kata kunci: Faktor, motivasi, pencapaian pelajar, pembelajaran bahasa Arab, sikap.

Cite as: Abdul Hakim Abdullah, Ab. Aziz Sulaiman. 2015. Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi terhadap pembelajaran bahasa Arab. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 10(1): 82-97

PENGENALAN

Motivasi boleh dikatakan sebagai kunci kejayaan dalam semua aspek termasuklah pembelajaran bahasa kedua. Oleh yang demikian, ia adalah daya yang sangat penting untuk dipupuk ke dalam diri para pelajar bahasa kedua. Isu-isu yang berkaitan dengan motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua mula mendapat perhatian para pengkaji pada tahun 1990-an. Berlaku banyak perbincangan dan perdebatan para sarjana mengenai motivasi dalam menguasai bahasa kedua (lihat Crookes & Schmidt, 1991; Ames, 1992; Dornyei, 1994; Gardner & Tremblay, 1994; Oxford, 1994; Oxford & Shearin, 1994; Dornyei, 1998; Lightbown, 1999). Walaupun mereka berbeza pendapat dalam beberapa aspek terperinci seperti definisi, pembahagian motivasi dan sebagainya, namun masing-masing mengakui bahawa motivasi memainkan peranan yang amat penting dalam menjamin kejayaan para pelajar menguasai bahasa kedua.

MOTIVASI DALAM PEMBELAJARAN BAHASA

Motivasi ditakrifkan sebagai dorongan untuk mewujudkan tindakan serta mengekalkan niat bagi mencapai matlamat yang diinginkan (Ames & Ames, 1989). Ia merupakan satu elemen utama yang menentukan sejauh mana penglibatan peribadi, keaktifan, dan kejayaan dalam menguasai bahasa kedua (Oxford & Shearin, 1994). Oleh yang demikian, motivasi merupakan daya yang cukup berharga kerana ia merupakan kekuatan dalaman yang mendorong tindakan serta mengekalkan matlamat seseorang. Usaha dan matlamat yang berterusan akhirnya akan membuahkan kejayaan mencapai sesuatu yang dikehendaki.

Banyak hasil kajian mendapati elemen motivasi memberi sumbangan yang besar kepada pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua (Lightbown & Spada, 1999). Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab, Misnan Jemali (1999) mendapati wujudnya hubungan yang signifikan di antara motivasi dengan pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab komunikasi. Nik Mohd Rahimi et. al. (2009) mengakui bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara motivasi dengan pencapaian pelajar dalam pembelajaran lisan bahasa Arab di mana semakin baik motivasi pelajar maka semakin maju lah pencapaian mereka dalam pembelajaran lisan bahasa Arab. Kajian Siti Sukainah et. al. (2014) merumuskan bahawa sikap yang positif, motivasi dan usaha menguasai bahasa sasaran merupakan elemen-elemen penting yang menentukan kejayaan pelajar bahasa. Justeru, adalah sangat penting bagi kita mengetahui dengan jelas apakah faktor-faktor yang membentuk motivasi pembelajaran bahasa kedua. Kefahaman dan kesedaran terhadap faktor-faktor ini boleh memberikan panduan yang amat berguna untuk menentukan prinsip-prinsip perancangan dan pelaksanaan kurikulum bahasa Arab.

Setiap individu yang terlibat dalam pengajaran-pembelajaran bahasa kedua sama ada sebagai penggubal kurikulum, pelaksana atau penuntut perlu meneliti dan mengambil kira faktor-faktor yang sangat mempengaruhi motivasi. Motivasi terbentuk sebagai satu entiti hasil daripada pelbagai faktor (multi factorial). Ia merupakan daya kekuatan yang bersifat kompleks dan tidak terbentuk dengan hanya satu faktor sahaja. Tahapnya juga boleh berubah dari semasa ke semasa berdasarkan faktor-faktor yang mempengaruhi diri seseorang. Sebab itulah seseorang pelajar itu perlu diberikan dorongan yang berterusan supaya motivasinya sentiasa berkekalan.

Noels (2002) membahagikan faktor-faktor yang membentuk motivasi kepada dua kategori iaitu yang pertama ialah orientasi dalaman (intrinsic orientations) yang merujuk kepada kepuasan dan rasa seronok samada kerana pengembangan ilmu pengetahuan, pencapaian diri atau memperoleh pengalaman yang menggembirakan. Kedua ialah orientasi luaran (extrinsic orientations) yang berlaku disebabkan pulangan luaran seperti mendapat ijazah, pekerjaan, hadiah dan sebagainya. Ellis (1985), Julkunen (1989) dan Dornyei (1994) menegaskan bahawa aktiviti-aktiviti pembelajaran, bahan pengajaran dan tugas individu boleh mempengaruhi motivasi pelajar terhadap bahasa kedua. Oxford & Shearin (1994) pula menyenaraikan enam faktor yang memberi impak besar terhadap pembentukan motivasi iaitu sikap terhadap bahasa sasaran, kepercayaan diri, matlamat, penglibatan, persekitaran dan atribut diri. Abbas Pourhosein Gilakjani et. al. (2012) pula memberikan satu pandangan yang amat menarik di mana beliau menyifatkan bahawa faktor yang paling utama dalam pembentukan motivasi ialah rasa bersemangat (passion).

Para pendidik perlu memahami apakah aktiviti dan bagaimana melaksanakan aktiviti yang boleh membentuk serta mengekalkan rasa bersemangat. Lima usaha awal yang boleh dilakukan bagi menyuburkan motivasi awal pelajar merangkumi: memperkemas sikap para pelajar terhadap bahasa sasaran, mempertingkatkan jangkaan kejayaan mereka, mempertingkatkan matlamat mereka, menjadikan bahan pembelajaran berkaitan dengan mereka dan membentuk kepercayaan mereka yang realistik (Pourhosein Gilakjani et. al., 2012). Satu petunjuk yang amat berguna kepada kita ialah hasil kajian Kaseh Abu Bakar et. al. (2010) yang mendapati motif agama Islam merupakan satu faktor yang kuat dalam mempertingkatkan motivasi pembelajaran bahasa Arab.

Melihat kepada kepentingannya dalam memacu kejayaan, aspek motivasi tidak harus diabaikan. Pengajaran-pembelajaran bahasa kedua melibatkan peranan dua pihak iaitu guru sebagai penyampai maklumat dan pelajar sebagai penerima maklumat. Kedua-dua pihak ini perlu bekerjasama dalam memupuk motivasi yang tinggi supaya aktiviti pengajaran-pembelajaran dapat dijayakan dengan sebaiknya. Guru dan pelajar harus saling bantu membantu serta berusaha secara kolektif bagi mengekalkan tahap motivasi masing-masing. Pengekalan tahap motivasi yang baik juga merupakan satu langkah yang penting memandangkan tahap motivasi boleh berubah-ubah bergantung kepada faktor-faktor yang boleh menjejaskannya. Kelangsungan motivasi ini akan menjamin kelangsungan usaha dan tindakan yang aktif dalam mencapai matlamat yang telah disasarkan.

PERNYATAAN MASALAH

Menjelang abad ke-21, pengajaran bahasa Arab terus berkembang di Malaysia. Semakin banyak institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menyediakan pembelajaran bahasa Arab sama ada dalam bentuk penawaran program atau mata pelajaran Bahasa Arab. Penubuhan universiti-universiti dan kolej-kolej yang menawarkan pembelajaran bahasa Arab telah menyemarakkan lagi pengajaran-pembelajaran bahasa Arab di negara ini. Di samping melaksanakan pengajaran-pembelajaran bahasa Arab, sebahagian daripada institusi-institusi tersebut turut menganjurkan seminar, bengkel dan sebagainya bagi memajukan dan mempertingkatkan pengajaran-pembelajaran bahasa Arab di negara ini.

Walau bagaimanapun, penguasaan dan pencapaian pembelajaran bahasa Arab di Malaysia secara keseluruhannya belum memuaskan dan masih tidak mencapai matlamat yang disasarkan. Boleh dikatakan pencapaian pelajar bahasa Arab di Malaysia masih lagi di tahap yang tidak boleh dibanggakan sama ada di peringkat sekolah mahupun institusi pengajian tinggi. Terdapat banyak rungutan dan keluhan yang diluahkan oleh para pendidik dan pengkaji pembelajaran bahasa Arab sejak dahulu lagi tentang kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa Arab (lihat Osman Khalid, 1993; Ab. Rahim Haji Ismail, 1994; Siti Saudah Hassan, 1994; Azlan Abd Rahman, 2007; Asar Abdul Karim, 2008; Zamri Arifin et. al., 2014).

Banyak pandangan yang dikemukakan oleh para pengkaji telah mengaitkan kelemahan pencapaian bahasa Arab dalam kalangan pelajar dengan tahap motivasi mereka. Siti Saudah Hassan (1994) menyatakan bahawa masalah yang mempengaruhi kelemahan penguasaan bahasa Arab ialah suasana bahasa yang tidak memotivasikan pelajar. Bahasa Arab tidak mempunyai suasana yang baik memandangkan bahasa Arab ini tidak dapat digunakan dengan aktif dalam komunikasi harian serta dianggap sukar dipelajari. Oleh yang demikian, kelesuan

persekitaran bahasa Arab dianggap sebagai punca mundurnya motivasi pelajar bahasa Arab. Sofian Muhammad & Zainal Abidin Abd. Kadir (1986) pula mengaitkan kelemahan para pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab disebabkan oleh motivasi yang rendah sehingga mereka menganggap bahasa Arab adalah satu mata pelajaran yang sukar. Osman Khalid (1993) menyatakan bahawa ramai pelajar bahasa Arab kurang berminat dan berusaha disebabkan oleh tahap motivasi mereka yang lemah, sehingga tidak ramai pelajar yang mengambil kesempatan untuk memanfaatkan berbagai kemudahan yang disediakan untuk mempelajari bahasa Arab seperti makmal bahasa, filem, majalah, akhbar dan terbitan berkala dalam bahasa Arab. Zamri Ariffin et. al. (2014) menegaskan bahawa satu faktor utama yang menjadikan ramai pelajar ketinggalan atau gagal dalam pembelajaran bahasa Arab di Malaysia ialah sikap mereka terhadap bahasa Arab itu sendiri. Peratusan penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar sama ada di dalam atau di luar bilik darjah adalah terlalu kurang. Ini memperlihatkan bahawa motivasi dan budaya penggunaan terhadap bahasa Arab dalam kalangan para pelajar adalah rendah (Abd. Halim Mohammad & Wan Mohammad Wan Sulong, 2006).

Memandangkan kelemahan bahasa Arab dan kemerosotan tahap motivasi pelajar, Noriati A. Rashid et al. (2009) mencadangkan supaya guru mestilah selalu berinteraksi dengan para pelajar dengan menggunakan bahasa Arab, mempraktikkan teknik pengajaran yang menarik dan menggunakan pelbagai bahan pembelajaran. Abdul Hakim Abdullah (2008) mencadangkan supaya kandungan pelajaran, bahan pembelajaran, kaedah pengajaran dan bahan penilaian diperkemas supaya masalah motivasi dan penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar dapat diatasi. Nienke Vos et. al. (2011) menyatakan bahawa usaha membentuk permainan (game) yang baharu boleh mempertingkatkan motivasi dan pembelajaran yang teliti (deep learning) dalam kalangan para pelajar. Saranan ini turut dipersetujui oleh kajian Muhammad Sabri Sahrir & Nor Aziah Alias (2011) yang mencadangkan supaya permainan bahasa Arab secara online perlu diperkasakan setelah mendapati rata-rata pelajar bersetuju bahawa permainan bahasa Arab secara online mampu mempertingkatkan sikap, motivasi dan pencapaian mereka dalam pembelajaran bahasa Arab. Saranan Salasiah Hanin et. al. (2011) cukup baik dan lebih menyeluruh yang mana mereka mencadangkan tujuh usaha bagi mempertingkatkan motivasi pelajar iaitu pembangunan personaliti pelajar, kesedaran kerjaya pensyarah/ guru, pemilihan rakan belajar, daya spiritual pelajar, dorongan keluarga, bantuan kewangan dan kemudahan pembelajaran.

Saranan-saranan di atas perlu disahut, disenaraikan dan dijadikan sebagai strategi-strategi untuk mengatasi masalah sikap pelajar dan kelemahan pencapaian mereka dalam pembelajaran bahasa Arab. Keluhan-keluhan tentang kelemahan pelajar bahasa Arab sudah menjangkau beberapa dekad namun keadaan pencapaian pelajar masih tidak banyak perubahan. Jarang sekali kita melihat anak-anak didik yang tampil dengan penguasaan tatabahasa Arab yang hebat dihiasi pula dengan kepetahan bercakap dan menulis yang membanggakan. Bilangan pelajar yang menguasai bahasa Arab pada tahap yang membanggakan adalah amat sedikit sekali jika dibandingkan dengan jumlah pelajar aliran agama. Perkara ini juga dapat dilihat dalam kalangan mahasiswa aliran agama di institusi pengajian tinggi dalam negara. Keadaan tidak lagi seperti generasi pelajar aliran agama zaman 60an, 70an dan 80an.

Fenomena kelemahan bahasa Arab dalam kalangan para pelajar aliran agama tidak boleh dipandang remeh. Ia bakal memberikan kesan yang amat berisiko di masa akan datang. Bayangkan, apa yang akan berlaku sekiranya masyarakat Islam di Malaysia ketandusan pakar-

pakar yang mampu memahami maksud al-Quran dan al-Hadith. Apakah kesannya kepada pentadbiran serta pengurusan hal ehwal agama Islam dan kefatwaan. Kepada siapakah perlu dirujuk oleh kerajaan, agensi atau masyarakat Islam di negara kita apabila berlaku isu-isu yang perlu merujuk kepada al-Quran dan al-Hadith. Bagaimanakah keadaan pengajaran bahasa Arab sekiranya kebanyakan tenaga pengajarnya tidak mampu menguasai bahasa Arab dengan baik. Penggunaan bahasa amat penting dalam pengajaran-pembelajaran bahasa. Bagaimanakah aspek penggunaan bahasa boleh diberi penekanan sekiranya kebanyakan tenaga pengajar bahasa Arab masih lemah dalam menguasai bahasa ini. Masanya sudah tiba untuk memperbaiki keadaan pencapaian bahasa Arab khususnya dalam kalangan generasi muda yang menceburi aliran agama. Bahasa Arab ialah bahasa ilmu yang dapat melahirkan ilmuwan seimbang dan mampu meneruskan kesuburan agama Islam dalam masyarakat. Hari ini, generasi pelajar aliran agama era 60an, 70an dan 80an masih ada dan meneruskan perjuangan ilmu-ilmu Islam yang diwarisi daripada generasi terdahulu. Kita amat memerlukan generasi muda yang menguasai bahasa Arab dengan baik bagi meneruskan perjuangan agama Islam yang menjadi agama persekutuan Malaysia. Kita masih boleh berpada dengan apa yang kita ada pada hari ini, akan tetapi melihatkan pencapaian pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan generasi pelajar yang mengambil aliran agama pada hari ini, timbul rasa bimbang dan khuatir. Dengan ini, marilah sama-sama untuk direnungkan dan diambil tindakan yang berkesan bagi memperbaiki pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab.

Sebagaimana yang disarankan oleh para pengkaji, motivasi dalam kalangan pelajar bahasa Arab perlu dipertingkatkan. Kesedaran dan sikap positif terhadap bahasa Arab perlu dibentuk terlebih dahulu. Dengan terbentuknya kesedaran dan sikap positif ini, sudah pasti akan lahirlah matlamat dan usaha-usaha dinamik yang berterusan daripada para pelajar. Kombinasi motivasi dan usaha ini akan membawa para pelajar bahasa Arab kepada kejayaan yang cemerlang dalam menguasai bahasa al-Quran yang mulia ini.

Selaras dengan hasrat di atas, perlu dilihat apakah faktor-faktor yang membentuk motivasi pelajar. Dengan mengetahui faktor-faktor ini, bolehlah para penggubal dan pelaksana dasar merancang aktiviti-aktiviti yang berkesan bukan sahaja dalam kalangan para pelajar akan tetapi juga melibatkan latihan kepada para pendidik. Ramai penyelidik yang telah mengkaji bentuk-bentuk kelemahan para pelajar bahasa Arab. Banyak kajian telah dijalankan dari sudut negatif dengan menyenaraikan bentuk-bentuk kelemahan para pelajar dalam menguasai bahasa Arab. Dapatan daripada kajian-kajian tersebut merupakan maklumat (information) yang sangat berguna. Kajian ini pula cuba menyelidik dari sudut positif dengan menyenaraikan bentuk-bentuk kekuatan para pelajar dalam menguasai bahasa Arab. Dapatan daripada kajian ini juga merupakan maklumat yang sangat berguna. Kombinasi pelbagai maklumat dari aspek negatif dan positif ini diharap dapat menghasilkan kebijaksanaan (intelligence) yang boleh mengubah fenomena kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa Arab yang dihadapi sejak sekian lama.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang membentuk motivasi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar peringkat menengah rendah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Naim Lilbanat, Kota Bharu, Kelantan. Bagi mencapai tujuan ini, tiga objektif kajian telah ditetapkan iaitu:

- i. Mengenal pasti tahap pencapaian pelajar peringkat menengah rendah di SMKA Naim Lilbanat dalam mata pelajaran Bahasa Arab.
- ii. Mengenal pasti tahap minat pelajar peringkat menengah rendah di SMKA Naim Lilbanat terhadap mata pelajaran Bahasa Arab.
- iii. Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar peringkat menengah rendah di SMKA Naim Lilbanat terhadap mata pelajaran Bahasa Arab.
- iv. Menguji hubung kait tahap motivasi dengan pencapaian Bahasa Arab bagi pelajar peringkat menengah rendah di SMKA Naim Lilbanat.

METODE KAJIAN

Kajian ini berbentuk kuantitatif. Alat kajian yang digunakan untuk mencapai objektif kajian ialah soal selidik. Kajian ini melibatkan 93 orang pelajar yang dipilih secara rawak mudah sebagai sampel kajian daripada jumlah populasi seramai 232 orang. Kesemua responden adalah perempuan memandangkan sekolah ini hanya menerima pelajar perempuan sahaja. Soal selidik mengandungi tiga bahagian yang terdiri daripada: maklumat diri responden (4 item), tahap motivasi terhadap mata pelajaran Bahasa Arab (14 item) dan faktor-faktor yang mempengaruhi minat terhadap mata pelajaran Bahasa Arab (8 item). Bagi menjamin kesahan item, soal selidik yang dibina telah dirujuk kepada 10 orang pakar dalam bidang yang berkaitan. Setelah membuat penambahbaikan termasuk dari aspek struktur bahasa, satu kajian rintis telah dijalankan yang melibatkan 26 orang subjek yang berlainan tetapi mempunyai kriteria yang sama dengan populasi kajian. Kajian rintis ini adalah bagi memastikan kualiti kebolehlaksanaan, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian. Ujian Alpha Cronbach dijalankan menerusi perisian SPSS versi 19 dan hasilnya didapati kebolehpercayaan semua item dalam soal selidik tersebut ialah 0.86. Oleh itu, semua item dalam soal selidik tersebut mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Analisis deskriptif dilakukan bagi mengenal pasti tahap minat dan faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi para pelajar. Analisis korelasi Pearson dilakukan bagi menilai pengaruh tahap motivasi terhadap pencapaian mata pelajaran Bahasa Arab pelajar peringkat menengah rendah di SMKA Naim Lilbanat.

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Responden

Kesemua responden (N=93 orang) adalah perempuan yang terdiri daripada 25 orang pelajar dari tingkatan 1, 40 orang dari tingkatan 2 dan 28 orang dari Tingkatan 3 di SMKA Naim Lilbanat, Kota Bharu, Kelantan.

Dari aspek pencapaian dalam peperiksaan Bahasa Arab, kajian mendapati 67 (72%) orang pelajar memperoleh gred A, 21 orang memperoleh gred B (22.6%), 5 orang (5.4%)

memperoleh gred C manakala tiada seorang pun responden memperoleh gred D dalam Penilaian Kendalian Berasaskan Sekolah (PKBS) 2 bagi mata pelajaran Bahasa Arab.

Rumusannya, sebahagian besar responden mendapat pencapaian yang baik dalam mata pelajaran Bahasa Arab. Seramai 88 orang (94.6%) responden mendapat gred A atau B dalam Penilaian Kendalian Berasaskan Sekolah (PKBS) 2 bagi mata pelajaran Bahasa Arab sebagaimana yang diperlihatkan oleh jadual 1 di bawah:

JADUAL 1: Taburan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab

Item Agreget	Tingkatan 1		Tingkatan 2		Tingkatan 3		Keseluruhan	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
A	17	68	31	77.5	19	67.8	67	72
B	5	20	7	17.5	9	32.1	21	22.6
C	3	12	2	5	0	0	5	5.4
D	0	0	0	0	0	0	0	0
	N=25		N=40		N=28		N= 93	

Maklum Balas Tentang Minat Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Arab

Dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa rata-rata pelajar berminat terhadap mata pelajaran Bahasa Arab. Seramai 29 orang (31.2%) menyatakan mereka sangat berminat dan 49 orang (52.7%) menyatakan berminat terhadap mata pelajaran Bahasa Arab. Manakala sejumlah 9 orang (9.7%) sahaja memilih tidak pasti, 5 orang (5.4%) kurang berminat dan 1 orang (1.1%) memilih tidak berminat.

Rumusannya, sebahagian besar responden mempunyai minat yang baik terhadap mata pelajaran Bahasa Arab. Ini memperlihatkan bahawa pengalaman pembelajaran Bahasa Arab yang dilalui oleh mereka telah berjaya membentuk minat terhadap mata pelajaran Bahasa Arab pada tahap yang memberangsangkan. Seramai 78 orang (83.9%) responden berada pada tahap sangat berminat atau berminat terhadap mata pelajaran Bahasa Arab sebagaimana yang diperlihatkan oleh jadual 2 di bawah:

JADUAL 2: Tahap minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab

No.	Item (tahap minat)	Tingkatan 1		Tingkatan 2		Tingkatan 3		Keseluruhan	
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
1.	Sangat berminat	11	44	11	27.5	7	25.2	29	31.2
2.	Berminat	9	36	25	63	15	54	49	52.7
3.	Tidak pasti	2	8	2	5	5	18	9	9.7
4.	Kurang berminat	3	12	1	3	1	4	5	5.4
5.	Tidak berminat	0	0	1	3	0	0	1	1.1
		N=25		N= 40		N=28		N=93	

Kajian mendapati tiga faktor paling relevan yang menjejaskan minat 15 orang responden terhadap mata pelajaran Bahasa Arab ialah disebabkan oleh pengaruh rakan, tidak memahami pelajaran dan isi pelajaran yang dianggap rumit serta sukar difahami sebagaimana jadual 3 di bawah:

JADUAL 3: Sebab-sebab yang menjejaskan minat terhadap mata pelajaran Bahasa Arab

No	Item Soalan	Setuju		Tidak Setuju	
		Bil	%	Bil	%
1.	Saya tidak faham apa yang dipelajari.	10	66.6	5	33.4
2.	Saya tidak diberi galakkan dan motivasi yang mencukupi.	4	26.6	11	73.4
3.	Aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran tidak menarik.	2	13.3	13	86.7
4.	Bahan pengajaran yang tidak menarik.	4	26.6	11	73.4
5.	Kandungan pelajaran tidak berkaitan dengan kehidupan saya.	2	13.3	13	86.7
6.	Masa pelajaran yang terlalu singkat.	7	46.6	8	53.4
7.	Isi pelajaran yang terlalu rumit untuk difahami.	8	53.3	7	46.7
8.	Tiada galakkan daripada ibu dan ayah.	2	13.3	13	86.7
9.	Pengaruh rakan sebaya yang banyak menggunakan bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu dalam perbualan harian.	11	73.3	4	26.6
N=15					

Maklum Balas Tentang Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Arab

Kajian ini mendapati, lima faktor yang paling mempengaruhi motivasi pelajar secara turutan ialah: mata pelajaran Bahasa Arab adalah penting (79 orang/ 84.9%), persekitaran bahasa Arab yang kondusif (68 orang/ 73.1%), mata pelajaran ini mudah dipelajari dan difahami (65 orang/ 69.9%), kesedaran diri (64 orang/ 68.8%) dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah (63 orang/ 67.7%). Manakala tiga faktor yang kurang mendapat persetujuan secara turutan ialah dorongan keluarga (54 orang/ 58%), pengaruh rakan sebaya (56 orang/ 60.2%) dan usaha yang saya sendiri lakukan (57 orang/ 61.3%).

Kesimpulannya, dapatan kajian memperlihatkan sikap positif pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab merupakan faktor yang amat mempengaruhi motivasi mereka terhadap pembelajaran ini. Responden bersetuju bahawa mereka mempunyai motivasi yang baik disebabkan mereka berpandangan bahawa Bahasa Arab adalah mata pelajaran yang penting. Mereka turut mengakui bahawa mereka mempunyai motivasi yang baik terhadap mata pelajaran Bahasa Arab disebabkan ia merupakan mata pelajaran yang mudah dipelajari serta mudah difahami. Pandangan ini memperlihatkan bahawa faktor utama yang mempengaruhi motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab ialah sikap positif mereka terhadap mata pelajaran Bahasa Arab. Selain daripada sikap, faktor-faktor persekitaran, kesedaran diri dan keberkesanan pengajaran dalam bilik darjah merupakan elemen-elemen yang turut mempertingkatkan motivasi pelajar terhadap mata pelajaran ini. Keputusan keseluruhan dapatan tentang faktor-faktor mempengaruhi adalah sepertimana jadual di bawah:

JADUAL 4: Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab

No	Item soalan	1(Sangat Tidak Setuju)	2(Tidak Setuju)	3(Tidak pasti)	4(Setuju)	5(Sangat Setuju)
1.	Persekitaran bahasa Arab yang kondusif	1 (1%)	12 (12.9%)	12 (12.9%)	22 (23.6%)	46(49.5%)
2.	Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah	3 (3.2%)	12 (12.9%)	15 (16.1%)	22 (23.6%)	41 (44.1%)
3.	Kesedaran diri	0 (0%)	9 (9.7%)	20 (21.5%)	21 (22.6%)	43 (46.2%)
4.	Pengaruh rakan sebaya	2 (2.2%)	19 (20.4%)	16 (17.2%)	20 (21.5%)	36 (38.7%)
5.	Dorongan keluarga	2 (2.2%)	18 (19.4%)	19 (20.4%)	20 (21.5%)	34 (36.5%)
6.	Usaha yang saya sendiri lakukan	2 (2.2%)	15 (16.1%)	19 (20.4%)	21 (22.6%)	36 (38.7%)
7.	Bahasa Arab adalah penting	2 (2.2%)	2 (2.2%)	10 (10.7%)	25 (26.9%)	54 (58%)
8.	Bahasa Arab mudah dipelajari dan difahami.	2 (2.2%)	15 (16.1%)	19 (20.4%)	21 (22.6%)	44 (47.3%)

N=93

Hubung kait Tahap Motivasi dengan Pencapaian Pelajar bagi Mata Pelajaran Bahasa Arab

Ujian korelasi Pearson memperlihatkan wujud hubungan positif yang signifikan pada tahap sederhana antara motivasi dan pencapaian pelajar bagi mata pelajaran Bahasa Arab. Analisis kajian mendapati nilai pekali Pearson, $r = .428$ dan nilai sig. = 0.00. Oleh kerana nilai sig. lebih kecil daripada 0.01 maka kajian merumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan pada tahap keyakinan 99 peratus. Hasil ujian ini turut memperlihatkan wujud hubungan positif yang sederhana antara tahap motivasi dan pencapaian pelajar bagi mata pelajaran Bahasa Arab berkenaan memandangkan nilai indeks korelasinya adalah pada tahap 0.428.

Rumusannya, kajian mendapati pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab peringkat menengah rendah di SMKA Naim Lilbanat adalah dipengaruhi oleh tahap motivasi mereka terhadap bahasa Arab. Semakin tinggi motivasi pelajar terhadap bahasa Arab maka semakin baiklah pencapaian mereka dalam pembelajaran bahasa ini. Keputusan ujian korelasi yang dijalankan adalah sebagaimana yang diperlihatkan menerusi jadual 5 di bawah:

JADUAL 5: Hasil ujian korelasi Pearson

		pencapaian	motivasi
Pencapaian Bahasa Arab	Pearson Correlation	1	.428**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	93	93
Motivasi	Pearson Correlation	.428**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	93	93

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

PERBINCANGAN DAPATAN

Sebahagian besar responden mempunyai tahap pencapaian dan minat yang baik terhadap mata pelajaran Bahasa Arab. Keadaan ini sesuai dengan kedudukan SMKA Naim Lilbanat yang telah terpilih pada tahun 2011 sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT). Pada tahun 2010, Perdana Menteri Malaysia mengumumkan pelancaran SBT sebagai penanda aras dalam soal kecemerlangan pendidikan supaya ia menjadi contoh dan teladan kepada semua sekolah di negara ini. Apa yang perlu diteladani oleh para pendidik di sini ialah pemupukan minat harus dilakukan dari permulaan tingkatan agar pencapaian mereka dapat dibentuk sejak awal lagi. Pemupukan minat harus dijadikan agenda penting dalam menjamin kejayaan para pelajar di samping mengatasi masalah-masalah pembelajaran bahasa Arab yang diperkatakan oleh ramai penyelidik pembelajaran bahasa Arab (lihat Osman Khalid, 1993; Ab. Rahim Haji Ismail, 1994; Siti Saudah Hassan, 1994; Azlan Abd Rahman, 2007; Asar Abdul Karim, 2008; Zamri Arifin et. al. 2014). Para pendidik bahasa Arab memikul tanggungjawab yang besar untuk menanam minat yang baik dalam kalangan anak-anak didik mereka. Usaha ini mestilah dibuat seawal mereka memasuki alam pembelajaran bahasa Arab dengan menonjolkan keistimewaan dan kelebihan bahasa Arab.

Keistimewaan dan kelebihan bahasa Arab bukan hanya digambarkan menerusi penerangan lisan akan tetapi perlu juga dipupuk menerusi aktiviti-aktiviti yang berasaskan pendekatan belajar secara membuat (*learning by doing*). Menerusi pendekatan ini, pelbagai aktiviti pembelajaran yang berpusatkan pelajar boleh dilaksanakan seperti permainan bahasa, perbincangan, sumbang saran, forum, pidato, lakonan dan lain-lain lagi. Para belajar diberi bimbingan oleh guru untuk menguasai bukan sahaja item-item linguistik akan tetapi turut melibatkan strategi-strategi menggunakan item-item tadi dalam situasi-situasi yang dipilih bagi mempertingkatkan kemahiran-kemahiran bahasa Arab. Sedikit peruntukan kewangan bolehlah disediakan bagi pelaksanaan aktiviti dan pemberian ganjaran sebagai galakan kepada para pelajar yang berjaya memperlihatkan pencapaian yang baik. Perancangan yang sistematik perlu dibuat supaya peruntukan masa pengajaran-pembelajaran yang terhad dapat dimanfaatkan dengan optimum. Penghayatan terhadap keindahan bahasa Arab perlu dipupuk dalam diri para pelajar. Sekiranya berjaya, ia juga dapat menjadikan mereka berupaya menghayati ketinggian dan keindahan bahasa Arab menerusi bacaan al-Quran, teks kesusasteraan dan sebagainya.

Para guru bahasa Arab juga perlu menyedari keperluan pelajar mempelajari bahasa Arab. Kesedaran guru terhadap keperluan pelajar mempelajari bahasa Arab akan memastikan bahawa matlamat dan objektif pengajaran yang digariskan oleh guru sentiasa menepati keperluan pelajar dalam mempelajari bahasa ini. Selain daripada memahami dan menghayati al-Quran, keperluan sebenar pelajar dalam mempelajari bahasa ialah untuk membentuk keupayaan komunikatif ke dalam diri mereka (Widdowson, 1978; Littlewood, 1981; Cunningsworth, 1984; Oxford, Lavine & Crookal, 1989; Rollmann, 1994). Apabila aktiviti pengajaran-pembelajaran menepati keperluan sebenar para pelajar, usaha memupuk minat terhadap bahasa yang dipelajari akan menjadi lebih mudah dan boleh mengelakkan para pelajar daripada merasa bosan. Ekoran daripada perkembangan pendekatan komunikatif, lahir teori-teori pengajaran-pembelajaran bahasa yang memberi gambaran lebih menyeluruh tentang bagaimana bahasa itu dikuasai berbanding pendekatan-pendekatan sebelumnya. Pendekatan ini telah mengubah bentuk pengajaran yang agak menjemukan dengan latihan-latihan yang

berbentuk mekanikal kepada satu bentuk yang lebih menyeronokkan. Pendekatan ini telah menerangkan tentang apakah maksud sebenar struktur bahasa dan bagaimanakah menggunakannya, mengutamakan aspek makna, menggabungkan nosion, fungsian serta strategi, dan silibus komunikatif telah memberi penekanan kepada aspek makna dengan lebih sistematik. Sebenarnya kedatangan pendekatan komunikatif bukan bertujuan menafikan idea-idea atau teknik-teknik sebelumnya akan tetapi ia melihat idea-idea lama perlu dinilai semula bagi memaju dan menyempurnakan lagi kualiti pengajaran-pembelajaran bahasa kedua.

Kajian ini mendapati faktor-faktor yang membentuk motivasi yang baik dalam kalangan pelajar peringkat menengah rendah SMKA Naim Lilbanat ialah disebabkan oleh sikap pelajar yang positif terhadap mata pelajaran Bahasa Arab yang mereka anggap penting, mudah dipelajari dan senang difahami di samping dorongan persekitaran bahasa Arab, kesedaran diri dan keberkesanan pengajaran-pembelajaran. Aktiviti-aktiviti pembelajaran bahasa Arab yang dilalui oleh para pelajar peringkat menengah rendah SMKA Naim Lilbanat boleh diteladani dan dijadikan panduan oleh para pendidik bahasa Arab dalam usaha memupuk daya bersemangat (passion) dan motivasi yang tinggi dalam diri para pelajar sebagaimana yang disarankan oleh Abbas Pourhosein Gilakjani et. al. (2012) dan Salasiah Hanin et. al. (2011). Elemen agama boleh dijadikan serampang dua mata yang boleh memupuk sikap positif pelajar terhadap bahasa Arab sebagai bahasa yang penting untuk memahami al-Quran dan al-Hadith di samping menyuburkan penghayatan agama Islam di dalam diri mereka selaras dengan dapatan Kaseh Abu Bakar et. al. (2010) yang mengatakan bahawa faktor agama adalah antara pelonjak motivasi dalam pembelajaran bahasa Arab. Boleh dikatakan masalah utama pelajar kita ialah ketiadaan rasa berkobar-kobar atau rasa bersemangat untuk menguasai bahasa Arab dengan baik. Kajian Zamri et. al. (2014) yang menegaskan bahawa sikap pelajar merupakan punca utama ramai pelajar bahasa Arab ketinggalan atau gagal perlu dipandang serius. Kita perlu mengubah sikap pelajar sekiranya mahu melihat kemajuan pelajar dalam pencapaian bahasa Arab pada hari ini. Sekiranya sikap pelajar terhadap bahasa Arab tidak diperbaiki, boleh dikatakan bahawa fenomena kelemahan pelajar bahasa Arab yang sekian lama dialami akan terus berlanjutan tanpa perubahan yang menyerlah. Kita amat memerlukan pendidik-pendidik bahasa Arab yang boleh mencipta daya bersemangat ke dalam diri para pelajar. Memang tidak dinafikan bahawa setinggi mana pun semangat guru, jika sekiranya pelajar itu sendiri tidak bersungguh, maka pembelajarannya tidak akan ke mana. Walau bagaimanapun, inilah perjuangan para pendidik bahasa Arab, dan sekiranya usaha melonjakkan semangat menguasai bahasa Arab dapat dilakukan dengan sistematik, menyeluruh serta dijalankan secara kolektif, adalah amat diyakini bahawa ia pasti akan membuahkan kesan yang sangat baik kepada sebahagian besar para pelajar.

Sekolah tidak boleh berusaha hanya dalam ruang lingkup sekolahnya sahaja, universiti tidak boleh berusaha hanya dalam ruang lingkup universitinya sahaja. Satu reformasi dan revolusi pemikiran dan usaha secara kolektif oleh para pendidik bahasa Arab perlu dilakukan dalam pengajaran-pembelajaran bahasa Arab. Persekitaran bahasa Arab merupakan satu faktor pendorong yang perlu diwujudkan dalam institusi pembelajaran bahasa Arab supaya ia dapat menzahirkan satu budaya penggunaan bahasa Arab yang aktif dan berkesan. Persekitaran bahasa Arab boleh diwujudkan menerusi paparan bahasa Arab di papan kenyataan atau di dinding, penggunaan yang aktif dalam komunikasi antara guru sesama guru atau guru dengan pelajar, penganjuran aktiviti luar kelas seperti klinik bahasa Arab, pertandingan bahasa Arab,

perkhemahan bahasa Arab, hiasan imej-imej Arab dan sebagainya. Seeloknya, semua institusi aliran agama melancarkan kempen bahasa Arab secara bersama bagi menjalankan tindakan pemulihan keadaan. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kelemahan bahasa Arab dalam kalangan generasi pelajar aliran agama pada hari ini merupakan satu masalah yang besar dan bersifat nasional. Ketandusan pakar-pakar yang menguasai bahasa Arab dengan baik boleh mengundang masalah dalam aspek kefatwaan dan kesuburan agama Islam di negara ini pada masa akan datang.

Dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa ketinggian tahap motivasi pelajar merupakan satu penyebab besar kepada kemajuan pencapaian pelajar dalam bahasa Arab. Semakin baik motivasi pelajar terhadap bahasa Arab maka semakin meningkat lah pencapaian pelajar dalam bahasa ini. Perkara tersebut selaras dengan pandangan para sarjana sebagaimana yang telah dinukilkan dalam halaman sebelum ini. Komentaran dan keluhan para pengkaji sejak sekian lama perlu diberi perhatian dan diambil tindakan segera (lihat Siti Saudah Hassan, 1994; Sofian Muhammad & Zainal Abidin Abd. Kadir, 1986; Osman Khalid, 1993; Anas Mohd Yunus et. al.; Zamri Ariffin et. al., 2014).

Para guru bahasa Arab perlu meningkatkan strategi pengajaran-pembelajaran supaya ia lebih melibatkan penyertaan pelajar. Pengajaran berpusatkan pelajar melihat pemerolehan bahasa sebagai satu proses mendapatkan kemahiran-kemahiran bahasa dan bukan hanya proses mendapatkan maklumat-maklumat tentang bahasa semata-mata. Ia melihat bahawa mempelajari bahasa bukan hanya sekadar untuk mengetahui tapi juga boleh menggunakannya. Untuk mendapatkan kemahiran, para pelajar perlu diberi peluang yang sebaik mungkin untuk mempraktikkan maklumat-maklumat bahasa yang mereka pelajari. Penglibatan pelajar perlu dipelbagaikan dan bukan hanya tertumpu kepada aktiviti-aktiviti menganalisis bahasa sahaja. Guru perlu melibatkan para pelajar dengan tugas-tugas yang tidak hanya tertumpu kepada aspek struktural tetapi juga turut melibatkan aktiviti-aktiviti yang menekankan kemahiran-kemahiran berkomunikasi. Strategi pengajaran guru harus dirancang dengan baik dan memilih aktiviti yang berbentuk interaktif serta mampu menarik minat pelajar untuk memajukan keupayaan bahasa Arab mereka. Pemerolehan bahasa hanya dapat dihasilkan menerusi aktiviti-aktiviti komunikasi. Oleh itu, peluang-peluang untuk menggunakan bahasa sasaran menerusi pelaksanaan aktiviti-aktiviti komunikasi perlu disediakan kepada para pelajar dan para guru lebih berperanan sebagai penasihat, pengurus, sumber rujukan, fasilitator dan penghubung.

Kemampuan guru untuk bertutur dalam bahasa sasaran juga merupakan satu keperluan yang penting khususnya dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berbentuk tugas di dalam kelas. Sekiranya guru mempunyai kemampuan yang terbatas dalam menggunakan secara fungsional dalam bahasa sasaran, beliau tidak akan mampu membantu dan menggalakkan para pelajar menggunakan bahasa secara aktif dalam menyelesaikan aktiviti-aktiviti yang berbentuk tugas. Oleh yang demikian, para guru bahasa Arab bertanggungjawab untuk mempertingkatkan keupayaan bahasa Arab mereka secara berterusan supaya mereka menjadi contoh dan sumber inspirasi para pelajar. Guru bahasa Arab perlu memperlihatkan kesungguhan dalam menggunakan bahasa Arab sama ada sesama guru bahasa Arab atau pun ketika berurusan dengan para pelajar. Penggunaan bahasa Arab secara aktif oleh guru boleh menyuburkan persekitaran bahasa Arab dan secara tidak langsung ia akan memberi kesan yang baik kepada minat para pelajar terhadap bahasa ini.

Sudah tiba masanya para pendidik memperkasakan keazaman dan menjalankan usaha memupuk motivasi yang tinggi dalam kalangan para pelajar. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh sekolah-sekolah yang berjaya seperti SMKA Naim Lilbanat boleh diteliti dan diteladani. Pencarian dan pembentukan model strategi pembelajaran bahasa Arab harus diusahakan menerusi penelitian terhadap aktiviti-aktiviti bahasa Arab yang dijalankan di sekolah-sekolah contoh sama ada aktiviti pembelajaran dalam kelas mahupun di luar kelas. Binalah sikap dan motivasi pelajar terhadap bahasa Arab terlebih dahulu di samping menjadikan persekitaran dan strategi pengajaran- pembelajaran sebagai faktor penyokong kepada usaha tersebut. Nescaya, pencapaian para pelajar dalam bahasa Arab yang merupakan bahasa penting untuk mendalami agama Islam dapat dipertingkatkan. Menghabiskan silibus Bahasa Arab adalah satu tanggungjawab yang wajib ditunaikan, walau bagaimanapun, mengejar masa demi menyelesaikan silibus tanpa menekankan soal kefahaman, aplikasi, penghayatan dan motivasi pelajar adalah satu usaha yang masih jauh daripada kesempurnaan.

RUJUKAN

- Ab. Halim Mohamad & Wan Mohammad Wan Sulong. 2006. Antara Minat dan Sikap Pelajar Terhadap Bahasa Arab: Satu Kajian ke Atas Pelajar Sarjana Bahasa Arab di IPTA Malaysia. Dlm. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri ke-5* (hlm. 9-18). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Rahim Ismail. 1994. Pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua: permasalahan dan penyelesaian. Dlm. Muhammad Bukhari Lubis (pnyt.) *Persuratan Islam* (hlm. 38-49). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abbas Pourhosein Gilakjani, Lai-Mei Leong & Narjes Banou Sabouri. 2012. A Study on the Role of Motivation in Foreign Language Learning and Teaching. *International Journal of Modern Education and Computer Science*. 7, 9-16.
- Abdul Hakim Abdullah. 1998. Pengajaran Balaghah Peringkat STPM di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). *Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 1 (1), 83-97.
- Ames, C. 1992. Classroom Goals, Structures, and Student Motivation. *Journal of Educational Psychology*. 84 (3), 261-271.
- Ames, C., & Ames, R. 1989. *Research in Motivation in Education*. San Diego: Academic Press.
- Anas Mohd Yunus, Mohd Rahim Ariffin & Mohd Shafie Hamzah. 2009. Ciri-Ciri Motivasi dalam Surah al-Mukminun Ayat 1-11. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 2 (Julai), 147-164.
- Asar Abdul Karim. 2008. *Bahasa Arab Untuk Semua*. Kuantan: Penerbit Universiti Malaysia Pahang.
- Azlan Abd. Rahman. 2007. *Masdar Bahasa Arab: Fungsi dan Penggunaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Crookes, G., & Schmidt R. W. 1991. Motivation: Reopening the Research Agenda. *Language Learning*. 41 (4), 469-512.
- Cunningsworth, A. 1984. *Evaluating EFL Teaching Materials*. London: Heinemann Educational Books.
- Dörnyei, Z. 1994. Motivation and Motivating in the Foreign Language Classroom. *Modern Language Journal*. 78, 273-284.
- Dörnyei, Z. 1998. *Motivation in Second and Foreign Language Learning*. Cambridge: Cambridge University Press.

- Ellis, R. 1985. *Understanding Second Language Acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Gardner, R. C., & Tremblay, P. F. 1994. On Motivation, Research Agendas, and Theoretical Perspectives. *Modern Language Journal*. 79, 359-368.
- Julkunen, K. 1989. *Situation and Task- Specific Motivation in Foreign Language Learning and Teaching*. Finland: University of Joensuu Press.
- Kaseh Abu Bakar, Nil Farakh Sulaiman & Zeti Akhtar Muhammad Razaai. 2010. Self-Determination Theory and Motivational Orientations of Arabic Learners: A Principal Component Analysis. *Gema Online - Journal of Language Studies*. 10 (1), 71-86.
- Lightbown, P.M. & Spada, N. 1999. *How Languages are Learned*. Oxford: Oxford University Press.
- Littlewood, W. 1981. *Communicative Language Teaching: An Introduction*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Misnan Jemali. 1999. Hubungan Antara Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Bahasa Arab Komunikasi Sekolah Menengah Rendah di Negeri Perak. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Sabri Sahrir & Nor Aziah Alias. 2011. A Study on Malaysian Language Learners Perception Towards Learning Arabic Via Online Games. *Gema Online - Journal of Language Studies*. 11 (3), 129-145.
- Nienke Vos, Henny Van Der Meijden & Eddie Denesen. 2011. Effects of Constructing Versus Playing an Educational Game on Student Motivation and Deep Learning Strategy Use. *Computer and Education*. 56 (1), 127-137.
- Nik Mohd Rahimi, Nurulasyikin Muda, Zamri Mahamod & Kamarul Shukri Mat Teh. 2009. Relationship Between Arabic Listening Skills and Motivation. *International Journal of Learning*. 16 (5), 139-150.
- Noels, K. A. 2002. New Orientations in Language Learning Motivation: Towards a Model of Intrinsic, Extrinsic and Integrative Orientations and Motivation. In Dornyei, Z. & Richards, S. (pnyt.) *Motivation and Second Language Acquisition* (hlm. 43-68). Honolulu: University of Hawaii Press.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, Sharifah Fakhriah Syed Ahmad & Wan Kamaruddin Wan Hassan. 2009. *Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Osman Khalid. 1993. Pengajian Bahasa Arab di sekolah-sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi di Malaysia. dalam Ismail Ab Rahman, Abd Aziz @ Ahmad dan Mohd Yasin Muda (pnyt). *Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia : Cabaran dan Harapan* (hlm. 210-217). Kuala Terengganu: Penerbit Kolej Agama Sultan Zainal Abidin.
- Oxford, R. L. 1994. Where are we regarding language learning motivation?. *Modern Language Journal*. 78, 512-515.
- Oxford, R. L. & Shearin, J. 1994. Language learning motivation: Expanding the theoretical framework. *The Modern Language Journal*. 78, 12-28.
- Oxford, R. L., Lavine, R. Z. & Crookal, D. 1989. Language Learning Strategies, the Communicative Approach and Their Classroom Implication. *Foreign Language Annals*. 22 (1), 29-39.
- Rollmann, M. 1994. The Communicative Language Teaching “Revolution” Tested: A Comparison of Two Classroom Studies: 1976 and 1993. *Foreign Language Annals*. 27 (2), 225-233.
- Salasiah Hanin Hamjah, Zainab Ismail, Rosmawati Mohamad Rasit & Ermy Azziaty Rozali. 2011. *Procedia- Social and Behavioral Sciences*. 18. 138-147.
- Siti Saudah Hassan. 1994. Pengajaran Bahasa Arab dan Permasalahan Pembelajaran. Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Asing dalam Masyarakat Pelbagai Etnik di Malaysia (hlm. 90- 98). Bangi: Pusat Bahasa Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Siti Sukainah Che Mat & Melor Md. Yunus. 2014. Attitudes and Motivation Towards Learning English Among FELDA School Students. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*. 8 (5). 1-8.
- Sofian Muhammad & Zainal Abidin Abd. Kadir. 1986. Ke arah Sistem Pengajaran Bahasa Arab. Dlm. Mahayuddin Hj. Yahya (pnyt.) *Islam dan Pembangunan Negara* (hlm. 76-85). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Widdowson, H. G. 1978. *Teaching Language as Communication*. Oxford: Oxford University Press.
- Zamri Ariffin, Ezad Azraai Jamsari, Khaulah Riddzwan, Muhamad Ridzuan Abdul Latif & Zulazhan Ab Halim. 2014. Attitudes of Distance Learning Students at UKM's Faculty of Islamic Studies Towards Learning Arabic Language Skill Courses. *Turkish Online Journal of Distance Education*. 15 (1). 174-188.